



## BILANGAN 02 SEBAIK & MENGENALPASTI

	
	<p>PETIKAN 1</p> <p>Beliau menambah pihaknya akan memasang perangkap di kawasan itu <b>sebaik mengenalpasti</b> tempat yang sering menjadi laluan harimau tersebut.</p> <p>PETIKAN 2</p> <p>”Sebaik saja kapal datang, kami akan pulang. Jika AMM ingin memastikan perkara ini, mereka boleh memasang khemah di pelabuhan,” kata beliau. — AP, Reuters.</p>

Perkara yang menjadi sorotan kali ini ialah penggunaan kekata 'sebaik' dan 'menenalpasti'.

Kekata menenalpasti hendaklah dipisahkan menjadi 'menenal pasti'. Kekata tersebut tidak tergolong sebagai kata majmuk yang harus dieja sebagai satu perkataan atau kata majmuk yang mantap seperti :

antarabangsa	setiausaha
bumiputera	suruhanjaya
kakitangan	tanggungjawab dsb.

Jadi, perkataan tersebut hendaklah ditulis sebagai dua perkataan., kecuali jika mendapat sisipan; pengenalpastian.

Ayat contoh:

- 01 Pihak polis telah **menenal pasti** kumpulan samseng yang terlibat dalam pergaduhan itu.
- 02 Proses **pengenalpastian** pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan akan disegerakan.

Perkataan “**sebaik**” bermaksud serupa baik atau sama baiknya dengan sesuatu.

Ayat contoh:

- 03 Keputusan peperiksaannya kali ini **sebaik** keputusan peperiksaannya yang lalu.
- 04 Laporan beritanya tidak **sebaik** tulisan wartawan veteran itu.

### PETIKAN 3



Jadi, kekata tersebut tidak sesuai digunakan dalam petikan . Kekata yang tepat ialah “**sebaik-baik**” atau diikuti dengan perkataan saja (sebaik saja). Lihat petikan kedua; Sebaik saja kapal datang, kami akan pulang.

Begitu juga dengan petikan ketiga:

Pemerintah Indonesia akan mula mengundur-kan ribuan askarnya dari Aceh sebaik saja gerila pemisah menyelesaikan tahap pertama penyerahan senjata mereka, minggu ini.

Ayat contoh lain:

05 Beliau menambah pihaknya akan memasang perangkap di kawasan itu **sebaik-baik** (sebaik saja) mengenal pasti tempat yang sering menjadi laluan harimau tersebut.

Bagi petikan keempat, perkataan **sebaiknya** seelok-eloknya ditulis begini:

06 Ini bukanlah kritikan menyelar Muis kerana mereka terus mengaku peranan Muis sebagai pentadbir Islam dan mereka mahu memastikan Muis menyempurnakan urusan itu **sebaik-baiknya**.

Bagaimana pula jika perkataan 'sahaja' selepas 'sebaik' itu ditiadakan? Cuba anda huraikan.

### PETIKAN 4

Ini bukanlah kritikan menyelar Muis kerana mereka terus mengaku peranan Muis sebagai pentadbir Islam dan mereka mahu memastikan Muis menyempurnakan urusan itu **sebaiknya**.



### PETIKAN 5

Sebaik sahaja gegelang mata mengendur, lingkaran hitam dan garis-garis halus di sekeliling mata kelihatan, wanita cantik juga akan hilang serinya.